

# Wanita



## **WANITA MUDAH DIJANGKITI HIV**

Kenali Pasangan Anda  
Ketahui Hak Anda

### **ELAKKAN**

Hubungan Seks Luar Nikah dan Berkongsi Jarum Menyuntik Dadah

Amalkan Cara Hidup Sihat - Cegah **AIDS**

# HIV

Virus yang melumpuhkan sistem daya tahan melawan penyakit dan penyebab AIDS.

## pembawa

Pembawa HIV ialah mereka yang telah dijangkiti Virus HIV namun masih kelihatan sihat. Mereka boleh menjangkiti orang lain.

## penyakit

Pesakit AIDS ialah mereka yang ditahap akhir jangkitan HIV. Di peringkat ini, sistem daya tahan melawan penyakit telah musnah menyebabkan badan tidak berupaya melawan serangan penyakit walaupun ia penyakit ringan dan biasa.

### AIDS

#### TANDA DAN GEJALA.

- Hilang berat badan secara mendadak
- Cirit-birit berpanjangan
  - Bengkak kelenjar
  - Keletihan teruk
- Keputihan dimulut dan tenggorok
- Batuk berpanjangan dan sesak nafas
  - kulit melepuh

#### JANGKITAN:

- Pneumocystis Carini pneumonia
- Cytomegalovirus
  - Candidiasis
    - Tibi
  - Toxoplasmosis
- Herpes simplex dan Herpes Zoster

#### PENYAKIT BARAH

- Kaposi Sarcoma dan Lymphoma



# MENGAPA WANITA MUDAH DIJANGKITI HIV

Wanita 2-4 kali ganda lebih mudah dijangkiti HIV berbanding lelaki. Ini adalah kerana semasa hubungan seks, banyak air mani yang mengandungi bilangan virus HIV yang tinggi dan aktif ditumpahkan ke dalam faraj.

Wanita merupakan pasangan penerima sewaktu mengadakan hubungan seks. Oleh itu, mereka lebih mudah mengalami carikan tisu di dalam faraj berbanding dengan lelaki. Ini memberi HIV laluan yang lebih mudah untuk memasuki aliran darah.

Permukaan mukosa di bahagian kemaluan wanita lebih luas menyebabkan wanita lebih mudah terdedah kepada jangkitan di bahagian kemaluan dan ini meningkatkan kemungkinan dijangkiti HIV.

Penyakit kelamin di kalangan wanita biasanya tidak menunjukkan tanda-tanda di peringkat awal. Ini menyebabkan penyakit tersebut tidak dirawat dan memudahkan penularan virus HIV.

**HIV  
TERKANDUNG  
DALAM SEMUA  
BENDALIR  
BADAN MANUSIA**

**KONSENTRASI  
HIV TINGGI DI  
DALAM AIR MANI,  
CECAIR FARAJ DAN  
DARAH**

**KONSENTRASI  
HIV RENDAH  
DI DALAM  
AIR MATA, AIR LIUR  
DAN AIR SUSU.**



# CARA JANGKITAN UTAMA HIV

1. Melalui perhubungan seks dengan mereka yang dijangkiti HIV.
2. Perkongsian jarum dan alat suntikan mengguna dadah.
3. Melalui pemindahan darah atau bahan darah dan organ yang telah dicemari HIV.
4. Melalui ibu yang telah dijangkiti HIV kepada bayi semasa kehamilan, semasa kelahiran dan melalui penyusuan susu ibunya.

**AIDS  
BERKAITAN  
DENGAN  
TINGKAH LAKU**

**Bijak  
Berwaspada**

**Hargai  
Kesucian  
Diri**

**Jauhi  
Dadah Dan  
Maksiat**





## **KENALI DIRI, KENALI DIA**

### **PASTIKAN ANDA DAN PASANGAN ANDA BEBAS DARI HIV**

- ketahuilah latarbelakang dan status kesihatan anda dan pasangan anda.
- pastikan anda dan pasangan anda bebas dari penyakit kelamin.
- pastikan anda dan pasangan anda bebas dari penggunaan dadah.

**STATUS HIV TIDAK MUNGKIN  
DIKETAHUI KECUALI MEMPASTIKANNYA  
MELALUI UJIAN DARAH**

## KETAHUI HAK ANDA

Wanita perlu tahu hak mereka dan bertegas mempertahankan hak mereka. Tiada siapa boleh memaksa anda untuk mengadakan hubungan seks. Wanita perlu diberi kuasa untuk bersuara dalam isu-isu seks bersama pasangan mereka.

Bersuara dalam isu-isu seks bukanlah menilai moral pasangan, tetapi untuk melindungi diri wanita itu sendiri. Jika wanita itu hamil, ia bertujuan untuk melindungi bayi yang dikandungnya.

Cara yang pasti bagi melindungi diri dari jangkitan HIV adalah dengan tidak mengadakan hubungan kelamin. Namun sekiranya perlu dan rela, gunakan kondom dengan betul setiap kali mengadakan hubungan seks. Ini akan mengurangkan risiko dijangkiti virus HIV.



**Seks selamat ialah seks yang tidak melibatkan pemindahan cecair badan kepada orang lain.**

**Cara pasti bagi melindungi diri dari jangkitan HIV adalah dengan tidak mengadakan hubungan kelamin.**


**Risiko jangkitan HIV boleh dikurangkan dengan menggunakan kondom dengan betul pada setiap kali hubungan seks.**

# UJIAN HIV

Diantara ujian yang dilakukan adalah dengan menguji darah bagi mengesan kehadiran antibodi kepada HIV. Pengesanan awal jangkitan HIV boleh membantu pengidap menjaga tahap kesihatan mereka dan mencegah dari menjangkitkan virus HIV kepada orang lain tanpa sedar.

**KEPUTUSAN POSITIF**, bermakna wujud antibodi HIV dalam darah anda. Dapatkan nasihat dan rawatan daripada doktor dengan segera.

**KEPUTUSAN NEGATIF**, tidak bermakna anda bebas dari jangkitan HIV. Anda mungkin berada dalam waktu jendela (window period iaitu 45-60 hari dari tarikh virus HIV masuk ke dalam tubuh), iaitu satu jangkamasa di mana antibodi HIV seseorang belum dihasilkan walaupun telah dijangkiti HIV.



**UJIAN HIV MUDAH  
DIDAPATI, RINGKAS  
DAN TIDAK  
SAKIT**

**DIDAPATI PERCUMA  
DI SEMUA  
KEMUDAHAN  
KESIHATAN  
KERAJAAN**

**SEMUA  
KEPUTUSAN  
DIRAHSIAKAN.**

# WANITA DAN KEHAMILAN

Jika anda HIV Positif, elakkan dari kehamilan.  
Sekiranya anda hamil,

Teruskan kehamilan.

Bagaimanapun, penjagaan kesihatan yang sempurna semasa kehamilan dan sewaktu melahirkan anak hendaklah dititikberatkan. Ikuti nasihat doktor yang merawat anda dan makan ubat AZT seperti yang dinasihatkan bagi mengurangkan risiko anak dalam kandungan dijangkiti HIV. Minta nasihat doktor tentang penjagaan diri dan bayi selepas bersalin.

**Semua ibu hamil  
Dinasihatkan  
Untuk menjalani  
Ujian HIV  
FIKIRKAN  
PILIHAN  
TERBAIK  
UNTUK  
ANDA,  
PASANGAN  
ANDA  
DAN BAYI.**





# PENJAGAAN UNTUK WANITA POSITIF HIV DAN BAYI

## SEMASA HAMIL

Sekiranya anda HIV positif semasa hamil dapatkan segera pemeriksaan doktor dan khidmat kaunseling. Makan ubat AZT seperti yang dinasihatkan oleh doktor. Ini dapat mengurangkan risiko anak dalam kandungan dari dijangkiti virus HIV.


Sekiranya anda seorang pengguna dadah, berhenti dari mengambil dadah kerana ia merbahayakan kesihatan ibu dan bayi.

## SEMASA KELAHIRAN

Adalah lebih selamat jika kelahiran dilakukan secara pembedahan kerana ini boleh mengurangkan pendedahan bayi kepada darah serta cecair badan ibu yang HIV positif.

## SELEPAS BERSALIN

Sebaik sahaja bayi dilahirkan, ujian darah terhadap bayi akan dijalankan. Pastikan bayi diberi ubat AZT sekurang-kurangnya untuk tempoh 6 minggu selepas dilahirkan. Jika bayi disahkan HIV positif, dapatkan rawatan untuk bayi anda, seperti yang dinasihatkan oleh doktor.



**Elakkan  
Memberi  
Susu  
Ibu  
Kepada  
Bayi  
Untuk  
Mengurangkan  
Risiko  
Jangkitan**

# *Talian Murni*

Cawangan AIDS / STD

Kementerian Kesihatan Malaysia 03-2540088

Majlis AIDS Malaysia 03-40451033

Persekutuan Persatuan

Perancang Keluarga Malaysia 03-7337514

03-7337516

03-7337528

AWAM Telenita (Hotline Wanita) 03-7570224

AWAM (Khidmat Nasihat Perundangan) 03-7570224

Women's Aid Organisation 03-7583488

**SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG  
MASALAH ATAU PERTANYAAN, SILA  
HUBUNGI AGENSI  
DAN BADAN-BADAN YANG ADA KAITAN  
DENGAN KHIDMAT BANTUAN HIV/AIDS**

*“Pilihlah cara terbaik  
untuk melindungi diri  
anda dan orang yang  
anda sayangi”*



Terbitan:  
**Cawangan AIDS / STD**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
KKM/00/10,000  
<http://dph.gov.my/aids>

